



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1982**

---

**PENGISYTIHARAN HARTA OLEH PEGAWAI-PEGAWAI  
DAN KAKITANGAN KERAJAAN**

**1. Tujuan**

1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk menyampaikan keputusan Kerajaan mengenai pengisytiharan harta oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Kerajaan telah memutuskan bahawa semua pegawai-pegawai-pegawai kanan yang berada dalam Tingkatan-tertinggi "D" ke atas dan Ketua-ketua Jabatan seperti yang ditakrifkan di perenggan 2 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1981, hendaklah membuat pengisytiharan harta alih dan takalih yang dimiliki oleh mereka, suami atau isteri, anak-anak dan anggota keluarga di bawah tanggungan mereka. Kaedah-kaedah membuat pengisytiharan adalah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1981. Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Perbadanan-perbadanan dan Kuasa-kuasa Tempatan adalah juga diminta menguatkuasakan arahan ini kepada pegawai-pegawai mereka.

**2. Pegawai-pegawai dan Kakitangan dalam Tingkatan-tertinggi "E" dan ke bawah**

2.1 Pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain dalam Tingkatan-tertinggi "E" ke bawah tidak perlu membuat pengisytiharan mengikut kaedah-kaedah yang dikehendaki oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1981, dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981, melainkan apabila dinaikkan pangkat atau dilantik sebagai Ketua Jabatan.

**3. Perintah Am 8, Bab D, 1980**

3.1 Perintah Am 8, Bab D, Tahun 1980 mensyaratkan semua pegawai Kerajaan mengisytiharkan harta mereka pada tarikh mereka dilantik ke dalam perkhidmatan awam dan apabila mereka memperolehi apa-apa harta. Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan bertaraf Tingkatan-tertinggi "E" ke bawah, peraturan di bawah Perintah Am 8, Bab D, Tahun 1980 terus dikuatkuasakan.

#### **4. Tarikh Penyampaian Borang-borang**

4.1 Tarikh akhir penyampaian borang-borang Laporan Harta semua pegawai Kerajaan seperti yang dinyatakan di perenggan 1 dalam Pekeliling ini adalah 28hb Februari, 1982.

#### **5. Pembatalan**

5.1 Dengan Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981 bertarikh 6hb November, 1981 adalah dibatalkan.

**HAJI ABDUL RAHMAN BIN PILUS,**  
*Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,**  
**MALAYSIA,**  
**KUALA LUMPUR.**

*11hb Februari, 1982*

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.  
Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

Salinan:

- Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.
- Semua Pihak Pengurusan Perbadanan-perbadanan.
- Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.